

Dimensi Ilustrasi Visual dalam Manuskrip Pelaga Lembu Alam Melayu

Dimensions of Visual Illustration in Pelaga Lembu Manuscript

SHAHARUL ANUAR SHAARI, AB. RAZAK AB. KARIM, MOHAMMAD NAZZRI AHMAD & NOR AZLIN HAMIDON

ABSTRAK

Ilustrasi visual daripada berbagai kumpulan imajan telah lama wujud dalam naskhah manuskrip alam Melayu, khususnya dalam genre adat dan budaya. Buktinya adalah merujuk kepada temuan unsur-unsur visual dalam manuskrip Pelaga Lembu (MS1649) dari Kelantan-Patani, yang ditulis sekitar tahun 1860-an-1920-an. Manuskrip ini bersifat tunggal dan mempamerkan ciri-ciri autentik dalam konteks budaya kesenian visual. Dimensi ilustrasi visual merangkumi imajan makhluk ghaib seperti jin, pelbagai jenis simbolik wafak, diagram, kaligram, jadual, haiwan, Huruffuyyun, Yantra-Sak Yant, reka bentuk binaan, figura manusia dan pelbagai jenis tanda bab atau ayah. Keseluruhan unsur ilustrasi bukan berperanan sebagai hiasan tetapi berfungsi secara simbolik tentang adat dan tatacara pengurusan lembu pelaga sebelum, ketika dan selepas temasya perlagaan lembu. Manuskrip merupakan manual untuk pawang atau bomoh yang dianggap 'orang pandai' bertanggungjawab menentukan hari tarikh, bulan bersesuaian bagi mengadakan temasya. Pemikiran visual secara simbolik dan metaforik menjadi dasar utama alam kesenian Melayu dilihat melalui pendekatan komunikasi menggunakan kandungan semiotologi seperti ikon, indeks dan simbol. Setiap ilustrasi visual dihasilkan mempunyai 'isi' yang berfungsi secara grafik, optikal, persepsi, imajan mental dan verbal sama ada secara sedar atau tidak sedar telah diaplikasikan untuk tujuan hiburan kepada masyarakat.

Kata kunci: Ilustrasi visual; manuskrip pelaga lembu; Alam Melayu; Kelantan-Patani

ABSTRACT

Visual illustrations of authentic features have long existed in the Malay manuscript, especially in custom and cultural genres. This is evidence through the findings of visual document found in the Pelaga Lembu manuscript (MS1649) written around the 1860s-1920s originated from Kelantan-Patani. The manuscript is a single manuscript that exhibits authentic features in the context of visual arts and culture. The dimensions of the visual illustrations include the imagination of supernatural elements like jinn, various symbolic forms of charm, diagrams, calendars, schedules, animals, Huruffuyyun, Yantra-Sak Yant, building design, human figure and various types of dot mark. The overall element in this illustration does not serve as an ornament, but symbolically refers to the custom and management of the bull before, during and after the fighting game. The manuscript is also act as a manual guide for a heroic handler or a shaman who is responsible to determine the most suitable date to hold the event. The study reveals that symphonic and metaphorical visual thinking are the main basis of the Malay artistic nature emerged in the communication approaches using semiotological content such as icons, indexes and symbols. The study concludes that the visual illustration has functionally, graphically, optically, perceptually, mentally and verbally implicitly 'contents' utilised for entertainment purposes.

Keywords: Visual illustration; pelaga lembu manuscript; Malay World; Kelantan-Patani.

PENDAHULUAN

Bidang kesenian khususnya visual sering dibincangkan dalam aspek estetika berbanding aspek fungsional. Hal ini kerana istilah seni itu sendiri membawa maksud sesuatu yang halus, merujuk kepada aktiviti atau perlakuan kecil, elok, tipis dan halus, enak didengar seperti suara, irama segala paparan secara visualnya mencakupi kefahaman menyenangkan. Menurut Mohd Johari (2013) seni

juga boleh ditafsirkan kebolehan mencipta sesuatu lukisan, ukiran, khat dan sebagainya yang mengarah kepada pengertian keindahan. Manakala Herbert Read (1949) pula melihat aspek kesenian mesti melibatkan interaksi emosi penghayat dengan karya, malah menurut beliau juga seni merupakan sesuatu yang mengasyikkan serta memuaskan pancaindera manusia. Dalam pada itu, Megawati Moris (2016) melihat sedikit perbezaan daripada pandangan Al Ghazzali dalam *Kimya'al-Sa'adah*, sudut pandang

kesenian melibatkan unsur lahiriah dan batiniah dengan bertujuan membentuk jiwa manusia supaya lengkap dan waras. Kesenian bukan sekadar bentuk harfiah tetapi perlu melihat kesenian dalam skop kesufian, mencari kefahaman epistemologi bagaimana munculnya perlakuan atau kerja-kerja manusia (kewujudan realiti) itu merupakan tanda-tanda keberadaan Maha Pencipta.

Dalam konteks kesenian alam Melayu khususnya segala bentuk tindakan (lukisan, tulisan, gambar, *pattern*, warna) bagi memenuhi cerapan deria tampak sama ada bersifat dua dimensi atau tiga dimensi bertujuan mengisi pelbagai tuntutan dan keperluan harian orang Melayu sendiri. Dunia kesenian Melayu wujud bukan memenuhi kehendak *patron* tertentu seperti galeri seni dan muzium. Pandangan ini pernah dijelaskan Hossein Nasr (1997) bahawa kesenian dalam sistem tradisi lebih berfungsi membawa pengetahuan suci dan *sakral* melalui premis kepercayaan dan keyakinan falsafah yang telah dipegang sekian lama oleh sekelompok masyarakatnya. Segala bentuk imajinasi seni mengandungi isi tertentu berdasarkan sains kosmik dan didasari karakter batin pelakunya (pengarang-pelukis). Secara refleksinya kesenian alam Melayu merupakan manifestasi tindakan berkeyakinan pada sistem keagamaan dan sistem perlakuan interpretasinya, merapatkan nilai kebergunaan daripada aturan adat dan budaya.

Pengertian ini agak selari dengan pentakrifan aliran seni *folk*, Henry Glassie (1989) dalam *The Spirit of Folk Art* pernah menyatakan aspek kesenian berasaskan tradisi dihasilkan bagi sesuatu tujuan dan tidak terkeluar dari landasan pengertian seni semasa sebaliknya berfungsi mempamerkan nilai kerajinan bentuk daripada seniman gaya kraf. Elemen seni *folk* merupakan rumpun kegiatan artistik melibatkan perlaksanaan tata budaya dalam kehidupan masyarakat yang tidak formal. Orientasinya bersifat utilitarian, sukarela dan terhasil dalam konteks sosial pelbagai ragam pemikiran. Selain ekspresi kreatif pengarang-pelukis, medium kesenian gaya ini merapatkan konsep pengetahuan budaya yang mendalam seperti nilai ketahanan jati diri dan kepercayaan pada budaya dan nilai-nilai kebersamaan pemikiran dalam komuniti. Kesenian tradisi juga menjadi alat manipulasi minda masyarakat dan menghala kepada perubahan tindakan dalam masyarakat daerah pedalaman. Manakala Mitchell W.J.T (2002) dalam *What Do Pictures Want*, juga menyatakan unsur visual merujuk kepada segala imajinasi terhasil

daripada medium persekitaran sosial seharian “*everyday seeing and showing*”. Kefahamannya ini menyangkut sosiobudaya, kepercayaan, sejarah perkembangan manusia, tamadun dan kesenian.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan kaedah pemerhatian dan penelitian dokumen merujuk kepada unsur ilustrasi visual yang terdapat dalam naskhah manuskrip Pelaga Lembu (MS1649) yang diperoleh dari Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Analisis ilustrasi visual menggunakan pendekatan teori gabungan iaitu Teori Semiotik Tanpa Had oleh Charles Sanders Peirce ((1839-1914) berkaitan imajinasi tanda, simbol, ikon dan indeks, Teori Kesatuan Organik (Otto G. Ocvirk 1994) menyentuh kaedah proses interpretasi tanda-tanda visual dalam konteks seni tampak manakala Teori konsep ilmu pengetahuan oleh Al-Ghazzali (1056-1111) bertujuan melihat imajinasi ilustrasi visual alam Melayu mempunyai takrifan arah keilmuan dalam pelbagai disiplin bidang.

MANUSKRIP PELAGA LEMBU (MS1649) SEBAGAI BAHAN PEMERHATIAN SENI.

Naskhah manuskrip (MS1649), sebuah naskhah bersifat tunggal dan secara khususnya naskhah ini tidak mempunyai sebarang judul. Sebaliknya nama judul ini dinamakan ‘*Kitab Petua Pelaga Lembu, Kerbau dan Biri-biri*’ oleh Dato’ Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1992) dalam *Jurnal Filologi*, Jilid 1. Menurut beliau manuskrip ini diperoleh daripada En. Abdul Hamid bin Omar, salah seorang pegawai Penerangan, Pejabat Penerangan Kota Bharu pada tahun 1977. Keterangan En. Hamid Omar, beliau memperoleh naskhah ini daripada salah seorang warisnya di Kampung Pasir Hor, Kota Bharu.

Pemerhatian pengkaji pada 19 Oktober 2017 mendapati naskhah manuskrip ini dihadiahkan kepada Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia pada 23 April 1988 sebagai rekod penyimpanan dalam bentuk salinan imej fotografi daripada naskhah asal yang masih disimpan waris beliau. Naskhah mengandungi 232 halaman dengan saiz ukuran 18 x 11.5 cm; dengan purata 18 perkataan pada satu baris dan 11 baris pada satu halaman. Ukuran tebal manuskrip 6.5cm dengan gaya tulisan Jawi Kelantan-Patani.

Terdapat lebih 300 bab menyentuh amalan perubatan, jampi mantera dan amalan-amalan ritual penyediaan lembu laga, disokong dengan lebih 100 halaman mengandungi pelbagai ilustrasi visual jin, simbol wafak, diagram dan unsur *Huruffiyyun*.

DIMENSI ILUSTRASI VISUAL

Aspek pentakrifan makna budaya visual ilustrasi dalam manuskrip perlu dilihat dalam konteks seni rupa, Adi Kusrianto (2007) menjelaskan visual tampak secara harafiahnya bererti gambar yang digunakan bagi menerangkan sesuatu kandungan dengan cara maklumat berbentuk grafik. Mekanisme ilustrasi visual berupaya memberi kesan paling cepat, ringkas dan efektif serta penyampaian isi kandungannya kekal dalam ingatan sesebuah masyarakat. Daya pengucapan entiti visual bersifat perwakilan simbol, tanda dan indeks dengan pelbagai konsep persembahan abstrak, semi-abstrak, dan rupa sebenar. Sering kali ditemui ilustrasi visual dalam manuskrip alam Melayu mempunyai hubungan kait dengan ilmu ramalan seperti wafak, diagram, jadual, simbol budaya tertentu, flora dan fauna. Gaya pengucapan makna visual bersifat simbolik dan metaforikal. Peringkat awal kemunculan ilustrasi hampir keseluruhannya dihasilkan dengan menggunakan pen, dakwat, arang dan goresan *plate*¹ sebelum dipindahkan kepada media cetakan yang lebih efektif seperti litograf, cetakan kering, cetakan kayu dan cetakan asid.

Collins Birmingham University International Language Database (1980), memperincikan perkataan ilustrasi adalah proses menterjemahkan idea atau isi kandungan dalam bentuk visual biasanya lukisan, gambar dan jadual tertentu. Kamus *The American Heritage of The English Language*, seni ilustrasi mengambil kata dasar dalam bahasa Latin *illustrate*, memperjelaskan sesuatu tindakan atau proses mendatangkan kesan visual secara tampak yang berfungsi melalui imajinasi contoh, analogi atau perbandingan dan dekorasi. Pengkaji turut merujuk Hornby A.S. et al. (2010) dalam *The Oxford Advanced Learner's Dictionary, 8th edition* (2010), terdapat tiga definisi utama ilustrasi: -

- i. Persembahan visual dalam majalah, poster, buku dan lain-lain bertujuan memperjelaskan fungsi tertentu.
- ii. Proses dan kaedah penerangan sesuatu konsep perkembangan tertentu yang kompleks.

- iii. Penerangan contoh bersifat segera dan cepat ketika interpretasi maklumat kepada individu dan kelompok masyarakatnya.

Joneta Witabora (2012) dalam *Peran dan Perkembangan Ilustrasi*, menyatakan ilustrasi merupakan sebuah citra personal yang diterjemahkan melalui kekuatan visual bertujuan menyampaikan sebuah informasi. Sehubungan itu ilustrasi merupakan gagasan pemikiran yang dijalin bersama idea dan konsep menjadi dasar utama kepada pengkarya berkomunikasi melalui kesan visual. Kemahiran teknikal ketika proses menggambar imajinasi menjadikan ilustrasi dilukis dengan konsep yang signifikan. Tahap relevansi ilustrasi mempengaruhi minda pembaca memahami dimensi idea yang ingin disampaikan secara kreatif. Dalam konteks manuskrip alam Melayu, elemen ilustrasi divisualkan dengan elemen garisan, rupa dan warna serta dibantu penggunaan teks menjelaskan maksud persembahan visual tersebut. Integrasi visual dan teks memudahkan proses interpretasi makna konsep komunikasi keilmuan dalam manuskrip tersebut.

Sementara itu, Andrew Hall (2011) dalam *Portfolio Illustration*, menjelaskan secara kontekstualnya setiap kategori visual mempunyai kelebihan dan kekuatan yang tersendiri berdasarkan kepenggunaan dalam mana-mana media terbitan. Seorang artis atau ilustrator bertanggungjawab menstrukturkan imajinasi sama ada dengan kaedah lukisan, catan, cetakan kolaj dan teknologi perisian komputer. Beliau juga telah menggariskan kekuatan elemen visual dalam ilustrasi dan kelebihan fungsi teks dalam menyampaikan idea komunikasi berdasarkan peranan dan fungsi. Secara dasarnya ilustrasi visual merupakan hasil kemahiran teknikal dan persepsi tentang sesuatu tanggapan peristiwa dan ekspresi diri diolah bersama elemen dan prinsip seni lukis.

Garisan merupakan elemen seni pertama dan kerap kali ditemui dalam kandungan ilustrasi sejak dari zaman prasejarah, ahli akademik mengangkat perbincangannya merentasi era Renaissance hingga kontemporari. Hal yang demikian, Ocvirk (2001) menyatakan garisan merupakan kesan pergerakan dari satu titik ke titik yang lain, dipraktikkan dengan pelbagai sikap dan sifat, merentasi sebarang permukaan dengan media kering atau basah. Kesan garisan dalam istilah perlakuan lukis dan lukisan menawarkan hubungan manusia seluruh dunia kenal berbagai jenis tanda-tanda tampak. Menurut Teel Sale dan Claudia Betti (2008), bahasa visual garisan

daripada lukisan secara dinamikanya berkomunikasi, menghubungkan kesan emosi, intelek dan spiritual. Dalam konteks kesenian tradisi khususnya unsur ilustrasi visual dalam manuskrip alam Melayu, garisan menjadi fungsi utama penghasilan sesebuah konsep visual, di samping teks daripada garisan membentuk aksara jawi mengikut budaya daerah kemunculannya. Garisan membentuk elemen rupa motif tertentu seperti alam flora, fauna, simbol wafak, jadual, diagram dan imajan alam mistik seperti jin, hantu dan syaitan. Istilah visual pada peringkat kajian naskhah manuskrip juga meliputi pemerhatian pada struktur reka bentuk, reka letak (*layout*) dan reka letak huruf.

Pemerhatian pengkaji mendapati naskhah manuskrip daripada empat kategori utama mempunyai gaya dan teknik berbeza. Manuskrip dalam genre kesusasteraan lebih bersifat sekata dan setara penyusunan teks penulisan tanpa mempunyai sebarang visual. Gaya visual teks kaligrafi menentukan daerah lokasi sesebuah manuskrip ditemui mengikut panduan kodikologi dan filologi. Manakala manuskrip dalam adat dan kebudayaan, unsur visualisasinya lebih dominan. Merujuk manuskrip Pelaga Lembu (MS1649), pengkaji mendapati hampir setiap halaman mempunyai ilustrasi visual. Terdapat beberapa halaman dilukis penuh imajan makhluk mistik seperti jin bersaiz besar hingga memenuhi halaman kertas. Unsur visual *Huruffiyyun* dan tanda wafak antara ilustrasi mengaplikasikan menggunakan elemen garisan dan rupa paling kerap ditemui. Elemen garisan mendominasi hampir keseluruhan ciri reka bentuk subjek visual. Sehubungan itu, pengkaji merujuk

kupasan mengenai fungsi elemen garisan dalam sesebuah karya ilustrasi sebagai paduan umum seperti pernyataan Andrew Loomis (1947) berkaitan tujuh fungsi garisan dalam sesebuah ilustrasi.

1. Untuk menyampaikan keindahan makna intrisiknya sendiri.
2. Untuk membahagikan dan mengehendkan sempadan kawasan atau ruang pada permukaan.
3. Untuk menggambarkan pemikiran, idea, gagasan menggunakan pendekatan simbolik.
4. Untuk menentukan dimensi sesebuah imajan bentuk secara konkrit atau kontur.
5. Untuk memperjelaskan titik tumpu dan mengarahkan pergerakan mata ke arah unsur yang difokuskan atau dominan.
6. Untuk menghasilkan penggredan ton secara monokromatik dan pergerakan irama.
7. Untuk menghasilkan reka bentuk atau menstruktur reka letak berinformasi.

Kekuatan elemen garisan membentuk imajan berilustrasi menarik minat penghayat untuk terus membaca dan mendapatkan informasi tertentu di samping makna daripada struktur teks. Pembacaan teks daripada perkataan membina makna-makna khusus tentang dimensi idea pengarang. Objektif teks diserap minda dengan kadar masa tertentu mengikut kaedah pembacaan. Daya cerakinan makna hadir secara berperingkat dan tersusun bergantung pada naratif penceritaan. Berikut merupakan perbezaan kekuatan teks dan visual mengikut Andrew Hall (2011) dalam *Portfolio Illustration*.

JADUAL 1. Persamaan dan perbezaan kekuatan Ilustrasi Visual dan Teks menurut Andrew Hall (2011) dalam Portfolio Illustration.

	Ilustrasi Visual	Teks
1	Berkomunikasi segera	Berkomunikasi secara khusus
2	Komunikasi kepada semua pemerhati termasuk peringkat usia, lokasi dan era	Berkomunikasi dengan ketepatan yang besar.
3	Meletakkan dan menetapkan pemikiran pemerhati dengan imajan	Berkomunikasi dengan kadar setempat dan golongan tertentu
4	Menterjemahkan pengalaman manusia melihat secara literasi	Melibatkan pembaca dengan tempoh masa yang berpanjangan
5	Kegembiraan sensasi visual berulang kali	Proses kefahaman isi kandungan agak perlahan
6	Berkebolehan menyusun mengikut urutan bagi menyampaikan naratif	Berkebolehan menyusun mengikut urutan bagi menyampaikan naratif
7	Berhubungan secara terus dengan emosi, ingatan dan pengalaman	Menghubung secara konsep makna perkataan dengan emosi, ingatan dan pengalaman
8	Kegembiraan cerapan penglihatan melalui elemen dan prinsip seni.	Kegembiraan cerapan penglihatan melalui elemen dan prinsip seni.

Berdasarkan jadual tersebut, peranan ilustrasi visual dalam mana-mana medium penerbitan mempunyai kesan paling cepat dapat dicerap oleh minda pemerhati. Kesan visual dapat merentasi pemahaman kesemua peringkat usia, lokasi dan sesebuah era. Sebagai contoh sebuah ilustrasi bunga menghasilkan pelbagai persepsi dalam premis pemikiran pada setiap peringkat usia dan pengalaman. Interaksi dan persepsi ini dicerakinkan melalui garapan pengalaman seseorang berdasarkan pengalaman tentang sesuatu peristiwa atau ingatan melibatkan objek sebenar bunga. Lantaran peranan emosi dirangsang dengan cepat, mengapai ingatan pada peristiwa tersebut. Pengalaman individu dewasa dan kanak-kanak berbeza. Pemindahan maklumat pengetahuan antara medium ilustrasi visual saling berhubungan secara aktif mengikut konteks sosiobudaya setempatnya. Faktor gaya persembahan ilustrasi visual yang dipersembahkan juga mempunyai fungsi bagi menjelaskan ideologi pemikiran, budaya, zaman atau era munculnya visual mengikut takrif perkembangan sejarah seni dunia.

Ilustrasi visual dalam manuskrip alam Melayu merupakan entiti penyokong kepada persembahan teks penceritaan amnya, namun bagi manuskrip Pelaga Lembu (MS1649) terdapat beberapa bahagian ilustrasi visual digayakan tanpa sokongan teks seperti ilustrasi visual jin, diagram kompas dan jadual pelangkah haiwan. Hal ini merupakan dogmatik perhubungan disiplin budaya dan kepercayaan. Perkataan atau teks secara signifikasinya akan berterusan berhubungan dengan peranan visual imajan dan berkembang melahirkan makna melalui tanda simbol, indeks mahupun ikon dalam pendekatan bidang semiotik.

“...the relationship between words and images reflects, within the realm of representation, signification, and communication, the relations we posit between symbols and the world, signs and their meanings. We imagine the gulf between words and images to be as wide as the one between words and things, between (in the largest sense) culture and nature.”

(Mitchell W.J.T. 1984: 529)

Pemilihan dan penentuan jenis ilustrasi visual yang dilukis membawa fungsi kontekstual makna semiotik lebih besar sesuai dengan kandungan naskhah manuskrip, kategori adat dan budaya. Dimensi konteks pemahaman ilustrasi visual seiring konsep sebuah buku bergambar, tidak semua penulisan teks menerangkan konsep sesebuah visual yang dihasilkan dalamnya. Visual merujuk kepada

ilustrasi menjelaskan konseptual kepada kandungan teks dalam sesebuah bab. Oleh yang demikian, Dominic Catalano (2005) dalam tesis PhD berjudul *The Roles of The Visual in Picturebooks: Beyond The Conventions of Current Discourse*, menyatakan;-

Illustrated books are books that contain texts that are seemingly complete in and of themselves. In other words the illustrations are not necessary to understand the text in its basic form.

(Dominic Catalano 2005:10)

Richard D.B (1985) menyatakan unsur ilustrasi menjadi sumber indikasi kefahaman dengan perhubungan tanda-tanda kesan visual tampak berfungsi secara ekstensi dan kolaborasi bagi memperincikan kandungan teks manuskrip. Kewujudan visual menjadi sistem menerangkan posisi tanda dan makna dalam konsep kefahaman nilai ilmu pengetahuan. Justeru, pengkaji menemui tanda visual bersifat ‘mistik’ dan aneh digarap bersama fahaman sinkretism digabungkan bersama nilai Melayu-Islam, Hindu-Buddha, Budaya Siam-Melayu-Patani, Parsi dan Arab dalam manuskrip Pelaga Lembu. Secara tidak langsung, gabungan nilai ini memberi gambaran dan cerminan budaya warisan yang pernah muncul di alam Melayu tradisi. Gaya persembahan ilustrasi merupakan tanda aras atau *benchmarking* konsep keilmuan pengarang mengikut bidang kearifannya.

Dimensi ilustrasi visual dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian berdasarkan fungsi visual dipilih dan digayakan. Merujuk Yang Luo dan Yewu Lin (2017), terdapat enam jenis ilustrasi utama iaitu fotografi, lukisan atau seni garisan, realistik dan autentik dokumen daripada sesebuah budaya sasaran, graf dan diagram, peta dan akhirnya penerbitan semula karya seni. Di samping itu, Levin et al. (1987) menyatakan ilustrasi dapat dikelaskan kepada empat bahagian utama iaitu ilustrasi persembahan, ilustrasi organisasi, ilustrasi interpretasi dan ilustrasi informasi atau pemindahan maklumat. Manakala Hunter (1987) pula mengkategorikan ilustrasi kepada lima iaitu ilustrasi hiasan, ilustrasi pengukuhan, ilustrasi perincian, ilustrasi ringkasan dan ilustrasi perbandingan. Seterusnya Carney dan Levin (2002) mengkategorikan ilustrasi kepada lima iaitu ilustrasi dekorasi, ilustrasi pemindahan informasi, ilustrasi struktur dan organisasi, ilustrasi persembahan serta ilustrasi interpretasi. Tang (1994) melakukan ringkasan daripada kajian eksperimen terhadap golongan penyelidik profesional dan menggariskan tiga fungsi utama ilustrasi secara spesifik. Sesebuah ilustrasi mesti mengaitkan aspek fungsional, aspek

dekorasi yang berfungsi dan aspek penyebaran maklumat.

Sehubungan itu, sekali lagi Yang Luo dan Yewwu Lin (2017), menyatakan sokongan bahawa peranan ilustrasi kepada tiga fungsi asas iaitu elemen dekorasi yang berfungsi, hal ini kerana terdapat sesetengah ilustrasi dihasilkan tanpa sokongan peranan teks dan unsur teks pula tidak langsung berinteraksi dengan visual. Kedua adalah fungsi penjelasan, ilustrasi mempunyai hubungan rapat dengan peranan teks dan amat penting menerangkan konsep penceritaan. Ianya bertujuan sebagai panduan kepada pembaca memahami makna asas teks, seperti penjelasan sesebuah konsep teoretikal yang kompleks, memerlukan laras bahasa tinggi bagi membina makna secara mudah. Ketiganya berfungsi sebagai agen pengiklanan dan promosi, ini merujuk kepada peranan ilustrasi visual dan fungsi teks menyediakan atau menerangkan informasi tambahan. Hal ini dapat memperluaskan mesej komunikasi dan sensasi penglihatan termasuk pemikiran kritis.

Bersangkutan hal ini, unsur ilustrasi visual dalam manuskrip alam Melayu memperlihatkan daya kreativiti pencipta (pengarang-pelukis) bertindak sebagai agen intelektual dalam masyarakat merentasi zamannya. Daya kekuatan dan fungsi visual dipersembahkan merangkumi kepelbagaian dimensi cakupan ilmu pengetahuan melibatkan unsur grafik di samping kupasan teks semata. Mitchell (2002), membaca unsur kandungan visual tidak sekadar mengupas sisi sejarah seni dan estetika sahaja. Pusat tumpuan utama adalah visual melengkapi fungsional kandungan teks. Pertamanya visual merupakan indikasi dalaman yang bergerak seiringan sejarah seni dan estetika, sepertimana munculnya kandungan ilustrasi visual dalam teks saling melengkapi tanpa terpisah sepadan kontekstual keseluruhan karya. Membebaskan makna retorik, visual merupakan medium

saintifik daripada perspektif persembahan teknikal imajanya sepertimana filem, televisyen dan media digital. Secara kritis, analisis visual melibatkan aspek pertanyaan dan persoalan falsafah epistemologi, aspek semiotik tanda, aspek penyelidikan psikoanalitik, aspek fenomenalogikal, aspek psikologi dan kajian proses visual kognitif, aspek sosiologi, aspek visual antropologi dan aspek optikal fizik.

Hal Foster (1987) merangkumkan sudut kajian dunia visualiti sebagai satu topik yang luas dan mustahil bagi meletakkan limitasi fokus dalam kaedah sistematik berpusat kepada satu entiti bidang kupasan sahaja. Dunia seni visual bersifat multidisiplin kontekstual keilmuan dan merentasi sempadan premis pemikiran. Walaupun sesuatu visual dihasilkan bagi golongan sasaran tertentu.

Justeru, unsur visual merujuk kepada segala imajan terhasil dalam medium persekitaran sosial yang dilalui seharian “*everday seeing and showing*”. Kefahamannya menyangkut sosiobudaya, kepercayaan, sejarah perkembangan manusia, tamadun dan kesenian. Corak makna yang ditandai oleh sebarang imajan visual termasuk penggunaan ilustrasi dalam manuskrip akan perubah konteks kefahaman kerana lingkungan budaya pembaca atau penterjemah melihat melalui pengalaman yang berbeza geografikal. Unsur metaforikal makna melepasi kepelbagaian tangkapan daripada makna asal visual tersebut dimunculkan. Unsur teks berperanan menerangkan atau bertindak mengekalkan makna secara khusus, visualisasi yang wujud dapat ditandai bersama dalam satu peranan. Malahan, sekali lagi Mitchell (1984) dalam *What is an Images* menyatakan dimensi pengertian ilustrasi visual didasari peranan imajan yang dihasilkan berfungsi mengikut daya tertentu. Antaranya dimensi visual secara grafik, optikal, daya persepsi, imajan mental (imajinasi) dan secara verbal.

JADUAI 2. Dimensi Imajan menurut Mitchell dalam *What Is An Images* (1984)

Imajan (Ilustrasi Visual)				
Grafik	Optikal	Daya Persepsi	Imajan Mental	Verbal
Gambar	“Mirrors”	Citra spesies atau jenis kewujudan	Mimpi	Metafora
Ilustrasi	Pembiasaan		Memori	Deskriptif
Reka bentuk	Persembahan		Imajinasi	Penulisan
			Idea	Penerangan
			Fatasmata	

Kesimpulannya, merujuk konteks seni rupa, pengkaji melihat secara khusus bahawa gambaran ilusi visual merupakan induksi utama kepada sub-sub kecil di dalamnya seperti imajan, gambar, ilustrasi, peta, diagram, jadual, teks dan *layout* dengan berbagai medium terjemahannya seperti lukisan, garisan, kesan, catan, photo dan media elektronik. Berperanan secara falsafah, simbolik, ikonografi, fizik, metafizik dan estetika. Unsur fungsional bergantung pada cara mana ianya dipersembahkan. Fungsi kemunculannya sebagai tanda bahasa tampak bertujuan mencerahkan pengalaman intelektual pengarang-pelukis dengan penghayat. Penjelasan dimensi makna tulis-lukis disoroti dalam manuskrip kesusasteraan dan sejarah turut menguatkan aktiviti membentuk imajan visual yang telah lama wujud dalam alam Melayu. Perkataan seperti peta, perada, dakwat, lukis, tulis dan dakwat emas merupakan manifestasi kesenian (teks dan visual) yang dirakam dengan pelbagai mekanisme pengucapan. Ilustrasi visual berfungsi daripada premis abstrak, semi-abstrak, sejadi dan peribadi. Hal ini diadaptasi bagi menerangkan maksud isi kandungan tertentu.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji merujuk kepada istilah ilustrasi visual sebagai fenomena kajian terhadap kewujudan imajan dalam manuskrip Pelaga Lembu. Kumpulan imajan visual berupa ilustrasi jin, wafak, diagram, jadual, fauna, tanda budaya dan tanda ayat permulaan bab di bincangkan secara semiotik bagi menjelaskan isi kandungan daripada perspektif penelitian seni. Secara keseluruhannya, fenomena ilustrasi visual membawa gagasan ilmu pengetahuan yang luas meliputi aspek persejarahan, pengertian, peristiwa, sosiobudaya merentasi pelbagai sempadan epistemologi kemunculan tanda-tanda simbolik tersebut bersesuaiannya dengan nilai-nilai kepercayaan dan masyarakat sekitarnya.


DAPATAN

ILUSTRASI VISUAL DALAM MANUSKRIP PELAGA LEMBU

Kewujudan dan penjelmaan sesuatu unsur ilustrasi visual dalam manuskrip dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti sistem kepercayaan, sistem masyarakat, epistemologi, ontologi, kosmologi, alam sekeliling, sifat semula jadi dan topografi. Penggunaan unsur ilustrasi alam Melayu dikaitkan dengan faktor mistikal tentang kuasa tertentu dan memberi kesan

ke atas kehidupan orang Melayu khususnya pada upacara ritual tertentu. Kearifan pengarang sebagai ‘orang pandai’ merujuk kepada pawang atau bomoh membawa dimensi keilmuannya mendahului pemikiran masyarakat namun tetap bersesuaian serta dipersetujui di kalangan masyarakatnya.

a. Ilustrasi Visual Jin



GAMBAR 1. Pelbagai Jenis Ilustrasi Visual Jin

Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Perihal makhluk halus dalam ilmu perdukunan, pawang atau bomoh alam Melayu terutamanya dalam konteks rawatan dan tilik kerap kali ditemui di setiap daerah Melayu tradisi. Jin merupakan salah satu makhluk yang dijadikan Allah SWT daripada nyalaan api dengan merujuk *Surah al-Rahman*, ayat 14 hingga 15 adalah antara dalil-dalil al-Quran mengesahkan hal ini:

“Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar, Dan dia menciptakan jin dari nyala api.”


(Al-Quran: Surah *al-Rahman*, Ayat 14-15)

Istilah tunggalnya *jinni*, daripada sudut bahasa bermaksud yang tersembunyi, yang tertutup atau yang gelap pekat. Keturunan jin berasal daripada salasilah makhluk *Jaan* dijadikan daripada lidah api, dianggap bapa kepada makhluk jin. Jin merupakan cucu yang ingkar dan kufur kepada Allah SWT dengan sebab tidak bersujud kepada Nabi Adam SAW sebagai makhluk ciptaan paling sempurna yang diciptakan (Muhammad Azizan Sabjani dan Noor Shakirah 2018: 512-518).

Dalam konteks kajian ini, ilustrasi visual jin dengan pelbagai nama dan merupakan visual paling dominan berbentuk simbol. Ilustrasi jin-jin digambarkan begitu teliti terutamanya pada bahagian kepala, mata dan sifat mulut serta lidah. Jin berperanan sebagai entiti ghaib yang membantu melemahkan lawan, menguatkan tenaga lembu, mengawal perlakuan lembu. Jin di seru dengan jampi dan mentera tertentu bagi tujuan mendampingi lembu pelaga bermula dari hari pertama penyediaan hinggalah hari pelagaan berakhir. Kekuatan dan

kemahiran pawang atau bomoh mengendalikan entiti jin membuktikan pengamalnya benar-benar menguasai keilmuannya.

b. Ilustrasi Visual Wafak



GAMBAR 2. Pelbagai Jenis Ilustrasi Wafak

Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)


Ilustrasi visual daripada persepektif Farouk Yahya (2016), bersifat simbolik dinamakan *Solomon Ring* atau Tapak Sulaiman atau Lingkaran Sulaiman sering ditemui dalam manuskrip *genre* adat dan budaya seperti *Kitab Tib Pontianak, Kitab Senjata Hikmat, Seribu Hikmat, Kitab Batu Permata, Kitab Ilmu Tabib, Pedukunan Melayu, Kitab Ilmu Jimak, Tajul Muluk* dan *Syamsi al Maarif al Kubra*. Biasanya ilustrasi ini dibentuk dengan garisan berwarna merah dan hitam. Kedudukan dalam manuskrip biasanya pada bahagian penjurua dan penamat sesuatu bab. Kehadiran ilustrasi wafak merupakan salah satu ciri utama kitab-kitab perubatan lama dan berkonsepkan azimat serta dianggap mempunyai elemen kuasa spiritual dan metafizik.

Dimensi wafak mempunyai pelbagai jenis dan reka bentuk bergantung kaedah penggunaannya. Makanya, Ab. Razak (2006), menjelaskan pengertian wafak cukup luas dan reka bentuknya bergantung pada tujuan dan kehendak seseorang. Menurut beliau istilah ini sendi Arab (simbol) yang berupa angka, huruf dan aksara Arab (huruf dan ayat-ayat al-Quran) yang digunakan bagi tujuan tertentu. Sementara itu Perdana Ahmad (2006), wafak atau *wifik* berkemungkinan diambil daripada perkataan Arab iaitu *Wafqun* bererti secukupnya atau sekadarnya. Penggunaan wafak dipercayai azimat bagi melindungi atau memenuhi sesuatu hajat.

Makna visual simbolik merupakan manifestasi kisah kesaktian cincin Nabi Sulaiman yang amat ditakuti makhluk jin. Wujudnya ilustrasi visual dalam manuskrip alam Melayu umpama bayangan kesaktian tersebut. Secara tidak langsung visual simbol ini berfungsi sebagai pelindung kepada keilmuan dalam sesuatu bab daripada gangguan jin dan seumpamanya. Namun pemikiran dan kepercayaan ini mempunyai pengaruh *Israeliyyat* dalam manuskrip alam Melayu. Dimensi ilustrasi

wafak daripada perspektif seni bersifat optikal kerana reka bentuknya berkonsepkan ‘cermin’ atau biasan.

c. Ilustrasi Visual Diagram



GAMBAR 3. Pelbagai Jenis Ilustrasi Visual Diagram

Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005), ilustrasi diagram bermaksud gambar rajah, yang terdapat dalam buku, dipersembahkan dalam bentuk ilustrasi bertujuan memberi keterangan makna bagi menjelaskan sesuatu perkara dengan perwakilan visual berskema atau bersistematik. Dalam konteks kajian ini, ilustrasi diagram digunakan sebagai panduan penujuman bagi melihat aspek kebaikan pada hari, bulan dan waktu melangkah keluar lembu pelaga. Haron Daud (2009), diagram merupakan ilmu untuk meramal sesuatu dan biasanya berkaitan dengan aktiviti manusia, berdasarkan sandaran abjad nama, waktu dalam sehari, hari dan bulan Islam atau sesuatu benda yang berkaitan. Orang Melayu menguasai ilmu tentang alam dan makna ilmu bintang, falak atau astrologi, ilmu bumi, tentang musim, angin dan kelebihan waktu-waktu tertentu sebagai persediaan awal pada sebarang kemungkinan.

Penggunaan unsur visual dalam ilustrasi memperlihatkan kebolehan pengarang-pelukis membahagikan ruang yang sama dan berstruktur serta bersifat matematikal, dijalin bersama visual ikon bermotifkan kedaerahan.

d. Ilustrasi Visual Kaligram




GAMBAR 4. Pelbagai Jenis Ilustrasi Visual Kaligram Singa Ali @ Macan Ali

Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Kaligram mengikut istilah daripada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005) ialah reka bentuk huruf yang digubah bagi memperlihatkan corak hiasan. Manakala bagi seorang pereka buku berilustrasi British aliran *Art And Crafts*, Thomas James Cobden-Sanderson (1840-1922) menyatakan kaligram terbentuk daripada gabungan tipografi digayakan secara kaligrafi untuk berkomunikasi dengan imaginasi tanpa tersekat atau terhalang arah tuju reka bentuk huruf, idea dan pemikiran visual yang digambarkan oleh seseorang pengarang. Gabungan gaya dan saiz huruf digayakan membentuk visual tanpa membenarkan bahagian ruang terbuka.

Oleh itu, Mitchell W.J.T. (1986) dalam *Iconology: Images, Text Ideology*, permasalahan bagi mengenal pasti peranan teks dan visual, seni ilustrasi visual kaligram merupakan entiti terbaik wujud dalam budaya visual Islam. Fenomena ini secara sedar meletakkan kajian visual imajinasi tersebut sebagai karya seni. Bermula abad ke-17, kaligram Singa Ali dihasilkan oleh *khata* secara mudah dan berulang-ulang. Beliau turut menjelaskan Foucault menterjemahkan fenomena kaligram dengan “*ability to trap both word and image*”, di mana interaksi huruf-huruf Arab seperti sebuah manifestasi yang ekspresif, dengan *stroke* garisan menghubungkan dan mengait antara satu sama lain membina imajinasi singa secara simbolik. Tambah beliau lagi, kaligram merupakan satu intuitif kontekstual antara budaya Arab dan tradisi al-Quran itu sendiri berkonsep dan berstruktur. Oleh yang demikian ilustrasi kaligram merupakan gabungan sub-sub fizikal huruf yang bertindanan, memegang dalam struktur peranan masing-masing ketika membentuk rupa imajinasi. Dimensi konflik pada takrifan teks dan visual secara persepsi visual, digandingkan menjadi kesatuan ‘*teksvisual*’. Dijelaskan bahawa, tradisi lukisan kaligram ini dipopularkan pengamal tarekat Mevlevi di Turki malah hal ini turut mendapat perhatian Annemarie (2003) dengan menyatakan kalimat-kalimat yang berkaitan gambar ‘Singa Ali’ banyak terdapat pesantren Bektashi dan seluruh dunia Syiah.

e. Ilustrasi Visual Jadual



GAMBAR 5. Pelbagai Jenis Ilustrasi Visual Jadual
Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Struktur jadual juga merupakan salah satu diagram bertujuan menyusun data maklumat secara sistematik berkaitan ilmu penerangan. Merujuk pada manuskrip Pelaga Lembu, terdapat beberapa struktur jadual mudah terbentuk daripada dua jenis garisan menegak dan mendatar menghasilkan struktur petak segi empat mewakili bilangan hari dan masa. Posisi reka letak seimbang dan memenuhi ruang utama halaman atau naskhah. Terdapat juga jadual yang menggunakan ilustrasi visual *ornamen* secara simbolik bagi menegaskan fungsi tertentu dalam pergerakannya. Penggunaan dakwat berwarna merah dan hitam menentukan kepentingan sesebuah isi kandungan di samping menimbulkan prinsip kontras dan membezakan peranan reka bentuk motif *ornamen* tersebut.

f. Ilustrasi Visual Tanda Bab @ Tanda Ayah



GAMBAR 6. Pelbagai Jenis Ilustrasi Visual Tanda Bab @ Tanda Ayah

Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Pada kebiasaannya tanda ilustrasi visual dikenali tanda *nugtah* atau tanda *ayah* bersaiz kecil dijumpai dalam *genre* manuskrip keagamaan seperti al-Quran, kitab Maulid dan Kitab berzanji. Ilustrasi tanda ini digunakan pada penghujung baris ayat sebagai tanda isyarat berhenti dan rehat. Hal ini diperjelaskan Dzul Haimi (1997), tanda *ayah* mula digunakan dalam al-Quran ketika era Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Uthman bagi memudahkan kaedah pembelajaran dan bacaan supaya tidak mengubah maksud ayat. Beliau turut menyatakan terdapat lima jenis tanda berhenti yang boleh ditemui dan bersifat simbolik daripada huruf-huruf al-Quran. Namun ilustrasi berbentuk titik *dot* dengan ciri-ciri reka bentuk gabungan pelbagai saiz bulatan tetap menjadi pilihan utama pengarang. Konteks kajian manuskrip ini, ilustrasi visual tanda *ayah* menjadi simbol dan berfungsi pada permulaan bab atau fasal sebelum teks ditulis. Secara tidak langsung tanda simbolik berfungsi menambah nilai estetika pada setiap halaman bertulis. Pemerhatian pengkaji, tanda bab atau *ayah* ini menjadikan manuskrip lebih autentik kerana penerapan ciri-ciri reka bentuk hampir serupa dalam al-Quran turut

ditemui dalam manuskrip *genre* adat dan budaya. Hal ini meletakkan satu persepsi awal bahawa manuskrip ini mengandungi nilai pengetahuan yang sangat khusus dan berdisiplin. Terdapat lebih lima jenis ilustrasi tanda stail ini yang paling kerap dikenal pasti dalam manuskrip kajian ini.

g. Ilustrasi Visual Haiwan




GAMBAR 7. Pelbagai Jenis Ilustrasi Visual Haiwan

Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Imajan fauna khususnya lembu menjadi ikon utama kepada topik manuskrip ini, berkait hal penjagaan, pemulihan, upacara ritual kembang lembu, adat sebelum dan selepas temasya perlagaan lembu. Pengkaji juga menemui beberapa halaman turut memaparkan ilustrasi visual ikon haiwan lain seperti gajah, anjing, harimau, burung dan rusa juga berfungsi sebagai penanda aras semangat lembu dalam bentuk carta jadual *ilmu pelangkah lembu*. Ilustrasi visual lembu digambarkan memenuhi ciri-ciri kadar banding agak tepat pada kedudukan setiap anggota badannya. Imajan tanduk dan bonggol atau *goh²* di bahagian atas badan lembu dilakarkan sempurna. Ini bertepatan pada catatan C.C. Brown (1928) menyatakan lembu-lembu jenis *Brahmin* merupakan lembu yang sering menjadi pilihan pemain-pemain lembu di Kelantan-Patani sekitar era 1880-an hingga 1920-an. Lembu-lembu terpilih mempunyai badan yang besar di samping faktor posisi tanduknya menghala ke arah depan, salah satu aspek yang diutamakan oleh para bomoh atau pawang mempunyai kekuatan luar biasa serta berpotensi menang.

h. Ilustrasi Visual *Huruffiyun*



GAMBAR 8. Pelbagai Jenis Ilustrasi Visual Huruffiyun


Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Huruffiyun merupakan sebahagian daripada kategori wafak dan berfungsi sebagai azimat atas tujuan tertentu. Secara konsepnya, keilmuan reka bentuk azimat merupakan kombinasi huruf *hijaiyyah* dipercayai mempunyai rahsia-rahsia bersifat mistikal dan pengkaedahan penulisan khat dengan sistem pengiraan tertentu bertujuan khusus (*hikmat*) sebagai penunduk, pelembut, penggerun, *pembaroh* dan biasanya dilukis pada kain, kertas, daun, piring dan tanah.

Mat Rofa (2009), yang dinamakan wafak (*wifq*) adalah hasil tulisan dan lakaran merupakan ilmu abjad-abjad Arab telah dimanifestasikan dalam tradisi ilmu hikmah alam Melayu dan dinamakan ilmu rahsia huruf. Wan Mohd Dasuki dan Siti Radziah (2014) juga menjelaskan kebanyakan ilustrasi wafak berasaskan aplikasi rahsia nombor huruf Arab dan muncul dalam kalangan pengamal ajaran tasawuf bagi tujuan mengetahui apa di sebalik indera zahir. Ini bertujuan mendatangkan kekuatan ghaib dalam usaha mereka menguasai alam anasir (fizikal) dan alam rohani (bukan fizikal).

Manakala catatan Nor Azlin (2009) menyatakan aliran *Huruffiyun* ini berasal dari Iran diasaskan oleh Fadl Allah Al-Hurufi dan telah menulis mengenai pengetahuan ilmu tentang huruf Ilm Al-Huruf pada abad ke-14 Masihi. Ia juga turut dikenali sebagai *Ulum Ghariba* iaitu ilmu yang aneh atau ilmu yang misteri *Ulum Khafiyah*. Huruf Hijaiyyah Arab dipecahkan kepada dua puluh lapan huruf dalam sistem abjad dan dikategorikan dalam empat jenis unsur alam yang utama iaitu api, air, tanah dan angin serta mempunyai pertalian konsep kosmologi mengikut penyusunan dalam kelompok tertentu. Sebagai contoh huruf dalam kategori api, azimat yang dihasilkan membantu penggunaan dalam peperangan.

Oleh sebab itu sistem pemaknaan ilustrasi visual *huruffiyyun* menggunakan kerangka *indeks* dalam pendekatan semiotik bertepatan. Penzahiran identiti dirinya (huruf) dengan kombinasi huruf tertentu berfungsi membina makna lebih jauh daripada reka bentuk zahirnya. Mana Sikana (2001) menyatakan indeks merupakan tanda (visual) merujuk kepada sesuatu tanda baru yang mengumpulkan beberapa fenomena, sebab-musabab, simptom, isyarat, ikatan, dan sebagainya.

i. Ilustrasi Visual *Yantra-Sak Yant*

GAMBAR 9. Pelbagai Jenis Ilustrasi Visual Sak Yant
Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)


Ilustrasi visual di atas juga dikenali sebagai *Sak Yant* merupakan salah satu daripada ilustrasi visual kumpulan diagram *Yantra* atau mantera dalam istilah bahasa Melayu. Nitin Kumar (2001) menyatakan *yantra* adalah perkataan Sanskrit berasal daripada kata dasar iaitu 'yam' bermaksud mengekalkan atau memegang, istilah metafizik ilustrasi yantra merupakan visualisasi tertinggi inti pati alam kerohanian. Oleh itu, Huet (1990) Yantra juga dikenali sebagai *Sri Yantra* merupakan simbolik permohonan sesuatu hajat kepada Tuhan dalam kalangan penganut Hindu sebagai *Tantric Hinduism*. Reka bentuk ilustrasi *yantra* mempunyai berbagai jenis, dihasilkan menggunakan garisan secara simetrikal atau seimbang antara sisi kanan dan kiri. Dimensi reka bentuk *yantra* berubah mengikut adat dan budaya masyarakat serta aliran anutan pengarangnya. Analisis pengkaji dalam konteks manuskrip Pelaga Lembu ini, unsur yantra merupakan kombinasi unsur teks dan beberapa kesan simbol visual *Sat Yant* dalam satu halaman.

Oleh kerana faktor lingkungan sempadan Kelantan-Patani merupakan wilayah alam Melayu, wujud pertembungan nilai budaya pada masyarakat setempat antara Melayu-Islam dengan Siam-Hindu-Buddha yang diterima secara bersama. Angela (2014) turut menyatakan perubahan reka bentuk *Yantra* bermula daripada pengaruh mistik Hindu kepada reka bentuk *Sat Yant* (mistik Siam-Thai) bergabung dalam satu reka bentuk. Interpretasi imajan visual masih menggunakan dimensi struktural yang sama iaitu geometrik seimbang, bunga *Lotus* dan simbol visual Buddha bermeditasi.

Menurut Haron Daud (2007) mantera merupakan semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau bahasa yang mengandungi unsur magis dan diamalkan oleh orang tertentu (pawang, bomoh, dukun) mengikut daerah tertentu bagi tujuan tertentu. Tambah beliau, mantera merupakan bentuk azimat sama ada dalam bentuk rajah, lukisan dan

teks mempunyai benda-benda yang mempunyai keramat dan mempunyai hubungan langsung dengan makhluk halus seperti jin bagi membekalkan kuasa mistik tertentu.

j. Ilustrasi Visual Reka bentuk Binaan



GAMBAR 10. Ilustrasi Visual Reka bentuk Binaan

Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Pemerhatian pengkaji terhadap ilustrasi visual ini memperlihatkan ciri-ciri reka bentuk diagram kumpulan wafak dan *huruffiyyun* dalam satu kerangka berstruktur segi empat. Struktur reka bentuk dihasilkan menggunakan elemen garisan hitam, rupa geometrik dan organik serta rupa berwarna merah di bahagian atas rajah tersebut. Ikon lembu berwarna keemasan berada di posisi tengah sebagai keutamaan dan titik fokus utama. Ilustrasi visual jelas menunjukkan simbol kandang atau sebuah kawasan kepungan berpagar atau sebuah pintu gerbang yang disediakan oleh pihak penganjur temasya pelaga lembu. Pada bahagian atas terdapat binaan berbentuk ikon tanduk lembu dan ini merupakan ciri-ciri seni reka bentuk rumah Melayu tradisi daerah Kelantan-Patani. Tanistha Dansilp (2010) secara signifikasinya ikon tanduk lembu atau kerbau tersebut adalah *Kalae V-Shape* ciri-ciri bumbung rumah *Lan Na*. Tradisi masyarakat pedalaman Siam meletakkan ikon ini sebagai simbol kegagahan lembu atau kerbau yang sentiasa penting dalam kehidupan domestik mereka. Reka bentuk ini juga berperanan sebagai *yantra* bagi melindungi penghuni rumah diganggu oleh makhluk halus yang boleh mendatangkan kerosakan nilai murni ahli keluarga. Sementara bagi Abdul Rahman (2016), reka bentuk sisi tepi rumah tradisi Melayu Kelantan-Patani mempunyai *pemeles* berhujungkan motif *Sulur Bayur* dan *Ekor Itik*. Ciri-ciri ilustrasi visual yang digambarkan dalam manuskrip amat relevan dengan pengaruh budaya pemikiran masyarakat sering menyangkut dalam segala aspek kehidupan termasuk adat serta acara tertentu.


k. Ilustrasi Visual Figura Manusia



GAMBAR 11. Ilustrasi Visual Figura Manusia
Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Peirce (1965) ikon merupakan tanda yang merujuk kepada objek bagi menunjukkan sifat persamaan seperti digambarkan pada objek sebenar. Dalam konteks ini, ilustrasi figura manusia merupakan ikon yang dilukis begitu mirip dengan ciri-ciri manusia sebenar daripada perseptif gesturalnya. Pemerhatian pengkaji mendapati visual ikon manusia ini dihasilkan menggunakan elemen garisan, rupa dan warna pada keseluruhan konsep lukisan gaya naif. Cakupan minda pada peringkat pertama mampu mengenal pasti bahasa objek visual tersebut adalah cadangan kepada ilustrasi figura manusia. Aspek pengukuhan diletakkan pada bahagian badan kerana elemen garisan berwarna merah berbeza pada bahagian-bahagian lain. Pengukuhan juga dijelmakan dengan kuat melalui tindakan kesan warna berat dan lebih gelap pada kedua-dua belah kaki. Ilustrasi visual figura manusia ini berfungsi dengan garapan unsur teks daripada aksara Jawi jampi mantera diolah mengelilingi hampir keseluruhan imajinasi tersebut. Di samping itu juga petikan teks dari ayat Al-Quran, Surah *al-Qadar*, Ayat 1 dan Surah *al-Fiil*, Ayat 1 digabungkan hingga berakhir di bahagian tengah badan figura.

l. Ilustrasi Visual Telapak Tangan



GAMBAR 12. Ilustrasi Visual Hand of Hamsa @ Hand of Fatimah
Sumber: Manuskrip Pelaga Lembu (MS1649)

Pada dasarnya ilustrasi visual berbentuk telapak tangan ini dinamakan *Hand of Hamsa* @ *Hand of Fatimah* dan antara visual yang terkenal di seluruh Timur Tengah hingga Afrika Utara tetapi visual ini jarang ditemui di kawasan gugusan alam Melayu. Azimat ini juga disebut *hamsa*, *khamisa*, *hamesh* dan *chamsa* dan merujuk kata dasar Arab berbunyi *Khamsah* bermaksud 'lima', signifikasinya pada lima rupa bentuk jari tangan. Tradisi kesenian Islam dan Yahudi, angka lima memperjelaskan manifestasi perkara dalam prinsip beragama dan kepercayaan seperti rukun Islam, lima kitab penting dalam Taurat. Penelitian pengkaji mendapati reka bentuk ini lebih bersifat sejadi (*real*) merujuk kadar banding telapak tangan sebenar. Kombinasi peranan teks dan visual diperlihatkan dan menyebabkan kedua-dua domain ini saling perlu memerlukan dalam proses penyampaian maksudnya. Unsur teks terdiri daripada ayat Al Quran Surah al-Ikhlas (Ayat 1-2) dan lafaz pujian serta zikir kepada Allah SWT. Dijelaskan oleh Nafisa (2016) bentuk ilustrasi telapak tangan ini digunakan sebagai simbol perlindungan dan takrifan makna berbeza mengikut sejarah budaya sesebuah tamadun bangsa. Simbol ini dipercayai mempunyai kuasa mistikal, menawarkan nilai-nilai pertahanan terhadap anasir mata jahat atau *al-ain*. Kemunculan simbol ini berkait rapat dengan *Dewi Tanit* bagi aliran kepercayaan *Phoenician* di Tunisia. Bagi komuniti *Yahudi Sephardic* kuno lebih selesa memanggilnya sebagai *Hand of Maryam*.

STRUKTUR DAN SISTEM REKALETAK ILUSTRASI VISUAL DALAM MANUSKRIP PELAGA LEMBU

Interaksi struktur rekaletak sesebuah imajinasi visual dalam manuskrip merupakan satu kaedah pengurusan kreatif melihatkan kemahiran mengolah, menyusun, memanipulasi dan mengatur pola-pola tampak atau subjek mengikut aturan-aturan tertentu daripada premis psikologi serta pemikiran budaya setempat. Oleh hal yang demikian, Daniel Serig (2006) dalam *A Conceptual Structure of Visual Metaphor* menyatakan pengucapan seniman (pengarang) menterjemahkan idea-idea tentang sesuatu pengetahuan melalui tindakan pengalaman yang dirakam secara sensasi dan citra bagi menggambarkan sesuatu maksud dalam konteks keilmuan merentas budaya. Kaedah penggarapan dua domain ini iaitu visual dan teks

menjadi medium atau jambatan komunikasi secara metaforik. Sekali gus, kesan kreativiti ini dapat dinilai sama ada benar-benar dirancang atau benar-benar tidak dirancang.

Terdapat beberapa elemen utama dibincangkan sebagai kunci utama pengkaedahan sistem penterjemahan ilustrasi visual dalam manuskrip kajian ini. Pengkaji merumuskan elemen penting berdasarkan kajian daripada Andrew Hall (2011) di samping penelitian pada aspek elemen dan prinsip seni lukis. Antara kunci sistem struktur ilustrasi visual seperti berikut: -

a) KOMPOSISI REKA LETAK RUANG (*Layout Setting Composition*).

Dimensi pengolahan ruang formal halaman manuskrip bagi memunculkan kesan visual dan teks mengikut struktur format tertentu. Korpus ilmu pelaga lembu ini telah terkumpul dalam satu naskhah dengan pelbagai aturan tata letak teks dan visual pada halamannya. Terdapat halaman penuh dengan kesan visual berupa ilustrasi jin, wafak dan diagram dilukis dengan teliti dan berhati-hati. Aspek utama mengolah reka letak ruang yang sering digunakan antaranya seperti aspek seimbang (*balance*): merujuk kepada unsur-unsur yang disusun setara di sekitar permukaan halaman, mewujudkan rasa keseimbangan visual. Aspek asimetrikal (*asymmetrical*): unsur visual disusun tidak setara mencadangkan ketidakseimbangan untuk tidak memperlihatkan tujuan dan kepentingan. Aspek kontras (*contrast*): unsur visual di tonjolkan bagi menarik perhatian dan penegasan sesuatu perkara. Aspek dominan (*dominance*): terdapat satu unsur di besarkan daripada yang lain dan aspek simetrikal (*symmetry*): kedua-dua sisi setara seperti bias cermin.

b) KARAKTER (*Character*)

Identiti visual dalam manuskrip dikenal pasti secara analitikal melalui penelitian khusus pada setiap bentuk, sifat, gaya (*patten*) dan saiz. Kesemua ciri-ciri identiti ini perlu diteliti dan interpretasi melalui tindakan analisis teknikal pada setiap entiti visual. Hal ini bertujuan mengupas pola fikir dan amalan kesenian mempunyai kesan pengaruh imitasi budaya kedaerahan di mana ianya berasal hingga sebatik khususnya amalan animistik. Merujuk kepada gaya ilustrasi visual jin, wafak dan huruffiyyun yang diulang lukis secara naif dan *folk art*

seperti memberi gambaran bahawa kepercayaan animistik dan budaya sinkritisme amat kuat dalam amalan temasya perlagaan lembu.

c) ELEMEN DAN PRINSIP SENI (*Element & Principle of Art*)

Penggunaan elemen seni (garisan, rupa, jalinan, bentuk dan warna) dan prinsip seni (pengulangan, kontras, keseimbangan, pergerakan, harmoni, kesatuan) yang diaplikasikan bagi mewujudkan kesan visual tertentu. Dua perkara ini saling berinteraksi dan menkonstruksi imajinasi visual bagi membina kerangka dasar makna-makna konseptual awal terutamanya elemen garisan, rupa dan warna berkonotasi simbol, indeks serta ikon. Status perbezaan setiap identiti visual yang dilukis dipertanggungjawabkan membawa sesuatu pengertian lain pada peringkat akhir deskriptif dilakukan.

d) DRAMATIK (*Dramatic*)

Nilai ekspresi pengolahan kandungan ilustrasi visual sama ada bersifat informasi, kedudukan lokasi, penjelasan situasi peristiwa atau naratif penceritaan. Hal ini memberi petunjuk perlakuan atau aktiviti yang sedang berlaku supaya situasi tersebut dapat dirasai melalui unsur citra dan sensasi. Dalam konteks ilustrasi visual manuskrip ini, pengkaji menemui halaman yang mengandungi unsur dramatik, terbentuk daripada kombinasi ikon, indeks dan simbol diolah memenuhi dua muka halaman. Gaya persembahan sebegini jarang ditemui dalam mana-mana manuskrip alam Melayu khususnya di tanah Melayu. Persembahan secara visual memperlihatkan hubungan kuat antara ketiga domain semiotik menyampaikan idea satu peristiwa dalam naratif penceritaan.

e) ALEGORI (*Allegory*)

Unsur-unsur ilustrasi visual menjadi sistem perlambangan (kias atau ibarat) tentang peranan pemikiran pengarang selaku induk terpenting mencorakkan kehidupan masyarakat sekelilingnya. Secara kontekstual yang lebih jauh daripada kaedah pemaknaan setiap visual semiotik, fenomena tanda dan makna kearifan tradisi membuktikan sudut pandang alam Melayu berfungsi dalam medan metaforikal yang berfungsi. Ilmu dan nilai tertentu disampaikan bersama keindahan ragam rekaan secara tampak.

RUMUSAN

Secara rumusannya, pengkaji melihat kebijaksanaan orang Melayu khususnya Kelantan-Patani menggunakan manuskrip Pelaga Lembu sebagai kaedah komunikasi dalam konteks adat dan budaya. Menginterpretasi unsur ilustrasi visual dengan struktur pengolahan bagi mempersembahkan daya kreativiti penganjuran sesebuah acara atau temasya. Garapan unsur visual dan teks mempunyai peranan dan kedudukan tersendiri memenuhi sistem permaknaan sesebuah kandungan manuskrip. Pengarang juga sebagai penulis-pelukis mempunyai kemahiran teknikal dalam konteks seni visual, tanpa sedar telah dibuktikan melalui beberapa siri lakaran ilustrasi dengan kualiti visual yang memuaskan. Dalam erti kata lain mampu menggunakan elemen dan prinsip seni visual khususnya garisan, rupa dan warna di samping pengetahuan mengolah, menyusun dan menstruktur pelbagai jenis kaedah reka letak pada setiap halaman manuskrip.

Setiap dimensi visual atau imajan mempunyai fungsi secara khusus, bersifat metafizik ditambah dengan unsur mistikal memberi gambaran bahawa lingkungan pemikiran 'orang pandai' alam Melayu sememangnya mempunyai pengetahuan dalam bidang penguasaannya. Ilustrasi visual daripada kategori azimat mempunyai hubungan rentas budaya (Melayu-Patani-Siam) bergabung dalam pemikiran sinkritisme, kosmologi, psikologi, tasawuf-sufisme, estetika dan etnologi. Pemikiran simbolik dan metaforik menjadi dasar alam kesenian Melayu. Pendekatan ini dilihat melalui kearifan mereka menggunakan semiotologi seperti ikon, indeks dan simbol. Lantas, setiap ilustrasi visual yang dihasilkan mempunyai 'isi' yang berfungsi secara grafik, optikal, persepsi, imajan mental dan verbal sama ada secara atau tidak sedar telah diaplikasikan semasa tatacara adat pengurusan acara tertentu. Bertujuan hiburan kepada masyarakat.

NOTA

- ¹ Istilah *plate* dalam cetakan merujuk kepada penggunaan medium kepingan besi atau tembaga yang digoreskan menggunakan alat tajam seperti paku, jarum dan pisau.
- ² Lihat Kamus Dewan Edisi Keempat. goh bermaksud bonggol pada pangkal tengkuk (lembu jantan dll.) kelasa.

RUJUKAN

- Al Quran al-Karim. Surah al-Ikhlâs, Ayat 1-2, Surah al-Qadar, Ayat 1, Surah al-Fiil. Ayat 1, Surah al-Rahman, Ayat 14-15.
- Annemarie Schimmel, Sapardi Djoko. 2003. *Dimensi Mistik dalam Islam*. Terj. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Angela Marie May. 2014. *Sak Yant: The Transition from Indic Yantras to Thai "Magical" Buddhist Tattoos*. Tesis Master, University of Alabama, Birmingham.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. 2016. *Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ab. Razak Ab. Karim. 2006. *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Kusrianto. 2007. *Pengantar Desain Komunikasi Visual*. Yogyakarta: Penerbit Andi.
- Andrew Loomis. 1947. *Creative Illustrations*. New York: The Viking Press.
- Andrew Hall. 2011. *Portfolio Illustration*. Laurence King Publishing in Association, Central Saint Martins College of Art & Design.
- Carney, R. N., & Levin, J. R. 2002. Pictorial illustrations still improve students' learning from text. *Educational Psychology Review* 14 (1): 5-26.
- C. C. Brown, M.C.S.1928. Kelantan Bull-Fighting. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. VI. *Collins Birmingham University International Language Database*. (1980), http://dla.library.upenn.edu/dla/olac/record.html?id=gial_edu_1556.
- Daniel Serig. 2006. A Conceptual Structure of Visual Metaphor. *Studies Art Education: A Journal of Issues and Research* 47(3): 229-247.
- Dominic Catalano. 2005. *The Roles of the Visual in Picturebooks: Beyond The Conventions of Current Discourse*. Tesis PhD, Graduate School of the Ohio State University.
- Dzul Haimi bin Md. Zain.1997. *Safavid Quran: Style and Illumination*. Tesis Phd, The University of Edinburgh.
- Farouk Yahya. 2016. *"Magic and Divination in Malay Illustrated Manuscript"*: UK Brill.
- Foster, Hal. 1987. *Vision and Visuality*. Seattle: Bay Press.
- Gerard Huet. 2002. Sri Yantra Geometry. *Theoretical Computer Science* 281: 609-628.
- Haron Daud. 2007. *Mantera Melayu, Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Henry Glassie. 1995. *The Spirit of Folk Art*. New York: Abrams.
- Herbert Read. 1949. *The Meaning of Art*. Middlesex: Penguin Book.
- Hornby A.S. Joanna Turnbull, Diana Lea, Dilys Parkinson, Patrick Phillips, Ben Francis, Suzanne Webb, Victoria Bull, Michael Ashby (pnyt.), 2010. *The Oxford Advanced Learner's Dictionary*, 8th Edition. Oxford: Oxford University Press.
- Hunter, B., Crismore, A., & Pearson, P. D. 1987. *Visual Displays in Basal Readers and Social Studies Textbooks*. The Psychology of Illustration.
- Inyiak Ridwan Muzir (pnyt.). 2016. *Teori Semiotik; Signifikasi Komunikasi, Teori kode serta Teori Produksi Tanda*. Bantul: Kreasi Wacana.
- Joneta Witabora. 2012. Peran dan Perkembangan Ilustrasi. *HUMANIORA* 3(2): 659-667.

- Kamus Dewan. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levin, J. R., Anglin, G. R., & Carney, R. N. 1987. *The Psychology of Illustration*. New York. Spring.
- Megawati Moris. 2016. *Al-Ghazalis Influence on Malay Thinkers: A Study Shaykh Abd Al-Samad Al-Palimbani*. Selangor. Islamic and Strategic Studies Institute Berhad (ISSI).
- Mohd Johari Ab. Hamid, Hamzah Lasa, 2013. *Estetika Seni Visual*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mitchell, W.J.T. 1986. *Iconology: Images, Text Ideology*, United States of America: The University of Chicago Press.
- Mitchell, W.J.T. 1984. What Is an Image. *New Literary History* 15(3): 503-537.
- Mitchell, W.J.T. 2002. *What Do Pictures Want? The Lives and Loves of Images*. Chicago: University of Chicago Press.
- Mitchell, W.J.T. 2002. Showing seeing: a critique of visual culture. *Journal of Visual Culture* 1(2): 165 – 181.
- Mat Rofa Ismail. 2009. Ilmu Hikmah dalam kajian etnosains dan etnomatematik alam Melayu. Kertas kerja pembentangan dalam Seminar Bulanan Etnomatematik Rumpun Melayu, Serdang (Julai). Universiti Putra Malaysia.
- Mana Sikana. 2001. Teori Teksdealisme. Kertas kerja pembentangan dalam Seminar Teori Teksdealisme, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Persatuan Pengkritik Sastera Malaysia. Balai Seminar. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Azizan Sabjani, Noor Shakirah. 2018. Rawatan Islam dan Gangguan Makhluk Halus dari Perspektif Islam, *e-Prosiding Seminar Falsafah dan Tamadun 2018 (SEFATA 2018)*: 512-518. 12 November 2018.
- Nafisa. 2016. The Hand of Hamsa: Interpretation across the Globe. *Journal Research on Humanities and Social Sciences*: 23-26.
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh. 1992. Manuskrip Melayu dari Kelantan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Filologi Melayu* 1.
- Nitin Kumar. 2001. *Tantra: The Art of Philosophy*. India: Exotic India Art Pvt Ltd.
- Nor Azlin Hamidon. 2009. Seni Kaligrafi Dalam Tekstil Melayu. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Tenunan Nusantara, anjuran Akademik Pengajian Melayu dan Muzium Pahang, pada 13-15 Mei, Hotel Vistana, Kuantan, Pahang.
- Ocvirk. O. G, Stinson, Wigg, Bone & Clayton. 2001. *Art Fundamentals (19th.ed.) Theory & Practice*. New York: The McGraw-Hill.
- Peirce. C. P. 1965. *Basic Concepts of Peircean Sign Theory Semiotics*. London: Sage Publications.
- Perdana Ahmad. 2006. *Ilmu Hikmah: Antara Karamah dan Kedok Perdukunan*. Jakarta: Az-Zahra Mediatama.
- Richard D. Brown. 1985. Those Who Stayed Behind: Rural Society in Nineteenth-Century New England by Hal S. Barron. *Journal of America History* 72(1): 143-144.
- Seyyed Hossein Nasr. 1997. *Pengetahuan dan Kesucian*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Tanistha Dansilp. 2010. *Thing Thai: antique, craft, collectibles*. USA: Tuttle Publishing.
- Tang, G. M. 1994. Textbook Illustrations: a cross-cultural study and its complications for Teachers of language minority students. *The Journal of Educational Issues of Language Minority Students* 13: 175-194.
- Teel Sale, Claudia Betti. 2008. *Drawing: A Contemporary Approach*. USA: Thomson Wadsworth.
- The American Heritage of The English Language*. <https://www.ahdictionary.com/>
- Wan Mohd Dasuki, Siti Radziah. 2014. Kearifan Melayu dalam Pembinaan Konsentrasi dan Ketepatan: Aplikasinya dalam Ritual Menembak, dalam Nazarudin Zainun & Darlina Md. Naim (pnyt.) *Merekayasa Kearifan Tempatan: Budaya, Pelancongan, Arkeologi dan Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Yang Luo & Yuewu Lin. 2017. Effects of Illustration Types on the English Reading Performance of Senior High School Student with Different Cognitive Styles. *Journal English Language Teaching* 10(9): 1-10.

Shahrul Anuar Shaari
 Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia
 11800, Pulau Pinang.
 E-mel: Shahrul_anuar@usm.my

Ab.Razak Ab. Karim
 Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
 E-mel: abrazak@um.edu.my

Mohammad Nazzri Ahmad
 Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
 E-mel: nazzri@um.edu.my

Nor Azlin Hamidon
 Fakulti Senilukis & Senireka, Universiti Teknologi Mara
 E-mel: norazlinhamidon@gmail.com

Diserahkan: 23 Januari 2019
 Diterima: 01 Mac 2019

